

17 NOV 1997

Mahathir-Chirac

CHIRAC SOKONG ADAKAN ATURAN BAGI DAGANGAN MATA WANG

LANGKAWI, Nov 17 (Bernama) -- Presiden Perancis Jacques Chirac hari ini menyatakan sokongan penuhnya kepada cadangan Malaysia supaya diperkenalkan peraturan bagi perdagangan mata wang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Dr Mahathir berkata Chirac bersependapat bahawa peraturan seharusnya diwujudkan dalam perdagangan mata wang supaya tidak timbul keadaan kacau-bilau.

"Chirac tidaklah menyatakan yang kita seharusnya menyekat perdagangan itu tetapi anarki tidak harus wujud, iaitu apabila seseorang dapat meningkatkan modal 20 kali ganda melalui perbuatan manipulasi. Ini adalah sesuatu yang perlu disiasat oleh IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa)," kata beliau kepada pemberita selepas pertemuan dengan Chirac yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja.

Dr Mahathir berkata Chirac telah memberitahunya yang beliau (Chirac) telah bercakap dengan Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus melalui telefon malam tadi.

Chirac juga bersetuju bahawa Kumpulan 15 negara membangun (G15) hendaklah diwakili apabila Kumpulan Tujuh negara perindustrian (G7) membincangkan isu mata wang.

Chirac percaya bahawa G15 dan G7 hendaklah mempunyai hubungan yang lebih rapat kerana apa-apa yang diputuskan oleh G7 akan mempunyai implikasi terhadap G15, kata Dr Mahathir.

Berkata berkata Chirac lebih suka lagi kalau G15 dapat meletakkan wakilnya dalam G7 dan meminta Malaysia supaya mengambil daya utama ke arah itu.

Dr Mahathir berkata Perancis juga mempunyai pendirian yang sama dengan Malaysia mengenai langkah Amerika Syarikat hendak melakukan siasatan terhadap pembabitan Petronas dan Total SA dari Perancis dalam projek gas di Iran, iaitu tidak ada negara harus membuat keputusan untuk negara lain.

"Malahan Perancis juga menentang sekatan, sebagaimana dengan pendirian kita. Ia bukan keputusan Pertubuhan Perdagangan Sedunia tetapi semata-mata keputusan oleh satu negara (AS) sahaja."

Dr Mahathir berkata Chirac mahu kerjasama selanjutnya dengan Petronas dalam bidang-bidang lain dan tidak setakat di Iran sahaja.

Pada persidangan berita bersama sebelum itu, Chirac melahirkan keyakinan penuhnya kepada masa depan ekonomi Asia Tenggara, terutama Malaysia.

"Saya telah membayangkan kepada Perdana Menteri bahawa walau apa pun akibat buruk daripada turun naiknya nilai mata wang daripada segi ekonomi dan sosial, saya menganggap ia tidaklah sehingga menimbulkan keraguan terhadap kemampuan pertumbuhan Asia Tenggara.

"Malah kalau kita bertanya diri kita sendiri pun tentang asal-usul dan akibat daripada keadaan masa kini, saya sangat-sangat yakin terhadap masa depan rantau ini," kata beliau.

Chirac berkata jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang terjejas oleh krisis mata wang, Malaysia mempunyai kelebihan daripada segi cara pengurusannya yang sedemikian rupa yang meletakkan negara ini di landasan masa depan yang sangat teguh.

Chirac juga bersependapat dengan Camdessus, yang baru-baru ini menyatakan bahawa Malaysia tidak memerlukan bantuan luar, dan walaupun terjejas akibat masalah jiran-jirannya, Malaysia terbukti tidak menghadapi

keadaan meruncing.

Pemimpin Perancis itu juga memberitahu Dr Mahathir bahawa G7 "sangat cenderung" ke arah mengukuhkan hubungan dengan G15.

"Sejak dua tahun lepas, Perancis telah menyatakan bahawa sukar untuk berbincang mengenai kewangan antarabangsa dan masalah kewangan dunia tanpa mempunyai wakil dari kumpulan penting seperti Asia terutama Asia Tenggara," katanya.

Chirac berkata terdapat keperluan untuk mengawal selia urusan niaga mata wang bagi membolehkan negara-negara mendapat manfaat daripada aspek positifnya dan spekulasi yang berlebihan oleh sesetengah pihak perlu dikawal.

"Ini menunjukkan bahawa peraturan yang berhemat perlu berfungsi bagi mengelak amalan ikut suka demi kepentingan semua orang terutamanya yang miskin di dunia.

Beliau berharap kerjasama antara IMF, Malaysia dan negara-negara lain yang berkenaan dapat mengawalinya (spekulasi mata wang).

Presiden Perancis itu juga berharap bahawa Total SA dan Petronas akan terus memperluaskan kerjasama mereka yang setakat ini sangat baik.

Pada persidangan berita itu, Dr Mahathir berkata beliau telah menjelaskan kepada Chirac bahawa mulai sekarang, terpulang kepada Malaysia, Asean dan G15 untuk membincangkan dengan terperinci dan memberi sokongan atau mengubah suai cadangan Malaysia kepada IMF mengenai peraturan urusan niaga mata wang.

Beliau berkata Malaysia juga telah menyatakan kepada Camdessus mengenai pentingnya keterbukaan dalam urusan niaga mata wang, pasaran urusan niaga mata wang serta sumber dana yang boleh diperolehi oleh peniaga mata wang.

Dr Mahathir juga berkata beliau telah menjelaskan dengan terperinci kepada Chirac mengenai apa yang berlaku kepada negara-negara Asia Tenggara dan keperluan untuk mempunyai kawalan terhadap amalan peniaga-peniaga mata wang.

Beliau turut menyampaikan maklumat serupa kepada Camdessus mengenai keperluan mewujudkan peraturan bagi memastikan urusan niaga sedemikian tidak akan menggugat kedudukan negara-negara membangun.

-- BERNAMA

ARA MAM NAK MAI